

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah  
[ Kubang Kerian ]**

**TARIKH : 11.3.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah menyerahkan beberapa buah sekolah di bawah tadbirannya kepada pihak Kementerian untuk dijadikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Apakah perkembangan terkini sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dalam menunaikan janjinya dalam meningkatkan prestasi dan kualiti pendidikan khususnya kepada sekolah yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sejak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 22 buah Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat Negeri Kelantan telah berdaftar sebagai SABK. Sehubungan dengan itu, SABK tersebut telah menerima bantuan daripada KPM seperti yang telah dipersetujui secara bersama antara pihak KPM dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS), pemilik atau pihak yang bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak berdaftar, sekolah-sekolah ini telah

mencapai prestasi akademik yang membanggakan di mana daripada 12 buah sekolah yang berada di band 6 dan 3 buah sekolah yang berada di Band 7 sebelum pengambilalihan pada tahun 2008, kini hanya sebuah sekolah berada di band 6 dan tiada lagi SABK di negeri Kelantan berada di Band 7. KPM sedang berusaha supaya lebih banyak SABK dapat melonjakkan prestasi mereka ke Band 1 dan 2, dengan sasaran tiada lagi SABK berada di Band 6.

Dari segi perjawatan dan sumber manusia, KPM juga telah membekalkan seramai 161 orang guru terlatih KPM bermula tahun 2009. Semua Guru dan Anggota Khidmat Sokongan (AKS) lantikan Yayasan Islam Kelantan di SABK yang diambilalih pula telah diberi latihan serta Kursus Dalam Cuti (KDC) sejak tahun 2009. Kesemua mereka yang menerima tawaran telah berjaya menamatkan latihan secara berperingkat berakhir tahun 2013. Sebahagian guru dan AKS telah diberi tawaran perkhidmatan lantikan bertaraf tetap dan kontrak dengan bayaran gaji dibayar sepenuhnya oleh KPM.